

WMM

WANITA METR



MAKIN RAMAI BANTUT

Peratusan kanak-kanak alami
masalah pembesaran
di negara ini kian meningkat

Oleh **Fairul Asmaini Mohd Pilus**
 asmaini@mediaprima.com.my

Peratus kanak-kanak terbantut di negara ini dikatakan semakin meningkat dan masalah itu tidak boleh dipandang remeh kerana ia boleh memberi kesan dalam jangka panjang.

Bantut boleh memberi cabaran kesihatan mental, fizikal, pergaulan selain membawa maut.

Pada tahun 2019, masalah bantut di Malaysia adalah sebanyak 21.8 peratus dan kerajaan menyasarkan ia dapat dikurangkan kepada lapan peratus menjelang tahun 2030.

Bukan disebabkan faktor pemakanan semata-mata sebaliknya masalah bantut merentasi semua kategori sosio demografi sama ada

bandar atau luar bandar, pendapatan isi rumah, kumpulan etnik, pekerjaan dan tahap pendidikan.

Menyedari keperluan itu, Persatuan Pediatrik Malaysia (MPA) terus menzahirkan komitmen mereka dalam usaha memperkasakan orang ramai untuk mengukur, mengenal pasti dan mengurus tumbesaran kanak-kanak dengan sebaiknya.

Presidennya, Dr S Selva Kumar berkata, persatuan itu mengadakan program Pengenalpastian dan Pengurusan Kesukaran Makan (IMfeD) yang dilancarkan pada tahun 2012.

Ia diterajui panel daripada pakar pelbagai bidang termasuk pediatrik, dietetik dan ahli psikologi.

Katanya, fasa pertama program itu (2012 hingga 2017), memfokuskan kepada Pengenalpastian dan Pengurusan Kesukaran



KHAIRY merasmikan sambutan ulang tahun ke-10 IMfed For Growth di Petaling Jaya, baru- baru ini.